



29 Mei 2015
29 May 2015
P.U. (A) 99

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KANUN TANAH NEGARA (BAYARAN UKUR) (PINDAAN) 2015

NATIONAL LAND CODE (SURVEY FEES) (AMENDMENT) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

PERINTAH KANUN TANAH NEGARA (BAYARAN UKUR) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Tanah Negara, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) (Pindaan) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015.

Pindaan Jadual

2. Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965 [L.N. 486/1965] dipindah dalam Jadual—

(a) dengan menggantikan butiran 12 dengan butiran yang berikut:

“PERMOHONAN BAGI SIJIL CADANGAN PELAN STRATA

12. Perenggan ini meliputi pengukuran bagi permohonan pecah bahagi bangunan, bangunan dan tanah atau tanah bagi pengeluaran sijil cadangan pelan strata. Fi yang dikenakan adalah seperti yang berikut:

(a) Skim strata kos rendah $F_i = 5P + 2.5A + \text{RM}300.00$

(b) Skim strata bukan kos rendah $E_i = 10P + 5A + \text{RM}600.00$

Jaituu =

P ialah jumlah petak

A ialah jumlah petak aksesori